

08/02/2003

Hakim perlu hormati pemisahan kuasa: PM

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Hakim perlu menghormati pemisahan kuasa antara pihak perundangan, eksekutif dan kehakiman jika mereka mahu pihak lain turut berbuat demikian, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, sistem di negara ini menggariskan sistem pemisahan yang jelas antara ketiga-tiga pihak itu. Jika satu pihak melanggar batasan, mungkin pihak lain turut melanggar batasan dan pihak berkuasa campur tangan dalam urusan kehakiman.

"Sebab itu amat penting sekali kita pegang pada pemisahan ini. Biarlah badan perundangan menentukan undang-undang. Jika undang-undang itu tidak baik, rakyat akan mendesaknya supaya dipinda.

"Itu adalah sistem dalam demokrasi tetapi jika hakim tidak menggunakan undang-undang seperti yang tertera, tentu keseluruhan sistem akan terhenti," katanya selepas melancarkan E-Syariah di Hotel Marriot di sini semalam.

Beliau ditanya mengenai ucapan pada majlis itu mengenai kepentingan hakim bersikap adil dan tidak mengikut sentimen peribadi dalam membuat penghakiman.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, hakim diberikan kebebasan daripada sebarang tekanan oleh kerajaan dan pihak lain kerana mahu memastikan mereka melaksanakan keadilan.

"Tetapi oleh kerana hakim tidak boleh ditegur dan sukar diambil tindakan pembetulan, tidak bermakna hakim boleh mengeneipkan kepentingan pengadilan yang adil semata-mata kerana bebas daripada teguran atau tindakan.

"Jika hakim menyimpang jauh daripada pengadilan yang adil kerana menganggap dirinya bebas, maka institusi kehakiman tentulah akan hilang kepercayaan masyarakat," katanya.

Dr Mahathir menegaskan, pelanggaran etika yang ketara dan berulang tidak dapat melindungi hakim daripada dikenakan tindakan.

"Proses penyingkiran hakim memang pun lebih susah tetapi bagi memelihara keadilan, penyingkiran hakim boleh dibuat.

"Tidak ada siapa dalam masyarakat yang bebas daripada kuasa undang-undang," katanya sambil menambah tiada siapa terkecuali dalam undang-undang termasuk raja.

Beliau berkata, undang-undang awam dan syariah yang menjamin keadilan mesti dihormati kerajaan dan rakyat.

"Tetapi hakim dan pegawai mahkamah termasuk pendakwa raya dan peguam bela juga tidak terkecuali daripada mematuhi undang-undang itu," katanya.

Perdana Menteri mengingatkan hakim supaya bersifat berkecuali dan tidak terpengaruh dengan sebarang kepentingan selain menentukan keadilan bagi pihak yang menuduh dan dituduh.

"Hakim tidak boleh memihak kepada mana-mana pihak, melindungi satu

pihak
kerana ingin menjaga keaibannya sehingga menidakkan keadilan kepada
pihak
lain," katanya.

Katanya, hakim juga tidak boleh membiarkan diri mereka dipengaruhi pandangan dan perkara yang tiada kaitan dengan kes termasuk pandangan politik.

"Pandangan hakim terhadap wanita dan lelaki tidak boleh mempengaruhi pengadiln dalam jenayah yang sama. Segala-gala yang menidakkan keadilan adalah bertentangan dengan Islam," katanya.